

# BUKU PENDAFTARAN GRADUAN POLITEKNIK MERLIMAU



**Istiadat**  
*Konwokesyen*  
استعدادت كونوكيشن فوليتيكنيك مرليماو ملاك  
**POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**  
**16-17** OGOS 2025  
22-23 SAFAR 1447H  
DEWAN PLATINUM, POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

**23**



## ISI KANDUNGAN

| Perkara                                       | Muka Surat |
|-----------------------------------------------|------------|
| 1. PENYERTAAN KONVOKESYEN KE 23               | 2          |
| 2. BAYARAN YURAN KONVOKESYEN KE 23            | 3          |
| 3. PENDAFTARAN GRADUAN                        | 6          |
| 4. RAPTAI KONVOKESYEN                         | 6          |
| 5. SIDANG KONVOKESYEN                         | 7          |
| 6. ISTIADAT KONVOKESYEN                       | 8          |
| 7. SAHSIAH DAN RUPADIRI GRADUAN               | 9          |
| 8. URUSAN JUBAH                               | 12         |
| 9. SYARAT PENGGUNAAN SET ISTIADAT KONVOKESYEN | 15         |
| 10. PENGAMBILAN DIPLOMA DAN SIJIL             | 16         |
| 11. PAS MASUK KENDERAAN                       | 16         |
| 12. TEMPAT LETAK KENDERAAN                    | 16         |
| 13. PAS MASUK DEWAN ISTIADAT                  | 17         |
| 14. SESI BERGAMBAR (FOTOGRAFI)                | 17         |
| 15. BARANG-BARANG PERSENDIRIAN                | 17         |
| 16. KUASA POLITEKNIK MERLIMAU                 | 18         |
| 17. PENGINAPAN                                | 18         |
|                                               |            |

## 1. PENYERTAAN KONVOKESYEN KALI KE 23

- 1.1 Penyeretaan graduan ke Istiadat Konvokesyen dan tuntutan Diploma hanya sah setelah GRADUAN menyempurnakan perkara berikut :
- Menjelaskan bayaran** penyeretaan Istiadat Konvokesyen (Rujuk Perkara2)
  - Melaksanakan **pendaftaran Alumni** di portal secara atas talian tanpa perlu mencetak sebarang borang. Kegagalan melaksanakan proses ini akan menyebabkan proses seterusnya disekat.
  - Graduan yang **HADIR & AMBIL SENDIRI**, perlu muat turun Borang Pra Pendaftaran Graduan untuk urusan pinjaman dan pemulangan jubah, pendaftaran masuk dewan dan tuntutan Diploma
  - Graduan yang memilih kaedah POS, isikan butiran alamat terkini dan nombor telefon untuk dihubungi di portal. Unit Peperiksaan Politeknik Merlimau akan mengepos Diploma berdasarkan alamat yang diisi.
- 1.2 Graduan yang hadir MESTI mengikuti sesi berikut :
- Pendaftaran graduan.
  - Tonton video raptai penuh konvokesyen di pautan [www.pmm.edu.my/konvokesyen](http://www.pmm.edu.my/konvokesyen) .
  - Istiadat Konvokesyen.

**Nota:** Perkara diatas adalah WAJIB dilaksanakan bagi semua graduan yang hadir atau tidak hadir ke Istiadat Konvokesyen. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan anda dihalang menghadiri Istiadat Konvokesyen atau pengeluaran transkrip akan ditahan. Sila layari [www.pmm.edu.my/konvokesyen](http://www.pmm.edu.my/konvokesyen) .

## 2. BAYARAN YURAN KONVOKESYEN KE 23

### 2.1 Jumlah bayaran ialah

| SITUASI                                  | BAYARAN (RM) |
|------------------------------------------|--------------|
| Tidak Hadir dan ambil sendiri + Alumni   | RM 100.00    |
| Tidak Hadir dan Pos + Alumni             | RM 110.00    |
| Hadir Konvo dan Ambil Transkrip + Alumni | RM 290.00    |


### 2.2 Cara pembayaran ialah menggunakan **JomPAY**.

|                    |                                                    |
|--------------------|----------------------------------------------------|
| <b>Biller Code</b> | 79293                                              |
| <b>Ref 1</b>       | NO KAD PENGENALAN GRADUAN<br>(cth : 951212010101 ) |
| <b>Ref 2</b>       | NO TELEFON GRADUAN                                 |


### 2.3 Tatacara Pembayaran Melalui **JomPAY** :

Langkah 1: Klik pada **PAY & TRANSFER**

Langkah 2: Kemudian klik **JomPAY**



Langkah 3: Masukkan **Biller Code: 79293**.




Langkah 4: Lengkapi ruangan **Ref 1: NO KAD PENGENALAN GRADUAN** dan **Ref 2: NO TELEFON GRADUAN** dan masukkan nilai bayaran berdasarkan situasi berikut:

| SITUASI                                  | BAYARAN (RM) |
|------------------------------------------|--------------|
| Tidak Hadir dan ambil sendiri + Alumni   | RM 100.00    |
| Tidak Hadir dan Pos + Alumni             | RM 110.00    |
| Hadir Konvo dan Ambil Transkrip + Alumni | RM 290.00    |

Langkah 5: Klik pada **I hereby agree to the Term and Conditions**

Langkah 6: Klik **PAY**.



RM 100 : TIDAK HADIR DAN AMBIL SENDIRI + ALUMNI  
 RM 110 : TIDAK HADIR DAN POS + ALUMNI  
 RM 290 : HADIR ISTIADAT KONVOKESYEN + ALUMNI

Langkah 7: Klik pada **Save Receipt** dan cetak resit untuk simpanan.

PAY TRANSFER RELOAD TABUNG HAJI

Pay From Savings Account-i Available Balance RM 990.27

✓ Pay To POLITEKNIK MERLIMAU-TBG KONVO  
via POLITEKNIK MERLIMAU-TBG KONVO  
RM 1.00 Add to Favourite

Billar Code 79293  
Effective date Today 25 October 2022  
Ref-1  
Ref-2  
JomPAY Reference ID  
Reference ID

Total Amount RM 1.00

Completed on Tuesday 25 October 2022 11:07:17

Transaction Successful!

7

SAVE RECEIPT NEW PAYMENT

### 3. PENDAFTARAN GRADUAN

3.1 Pendaftaran graduan dibuat sebelum Istiadat Konvokesyen bermula, kegagalan membuat pendaftaran akan menyebabkan graduan **TIDAK** dibenarkan menyertai Istiadat Konvokesyen.

3.2 Jadual Pendaftaran graduan adalah merujuk jadual dibawah:

| JABATAN                             | MASA                                                 | LOKASI                     | PIC                            |
|-------------------------------------|------------------------------------------------------|----------------------------|--------------------------------|
| JAB PERDAGANGAN (JP)                | JUMAAT (15/08/2025)<br>8.30 Pg – 4.30 Ptg            | BILIK KULIAH 11 (BK11)     | CIK NURUL ESLY<br>019-7317082  |
| JAB PELANCONGAN & HOSPITALITI (JPH) | JUMAAT & SABTU (15-16/08/2025)<br>8.30 Pg – 4.30 Ptg | BILIK KULIAH 1 (BK1)       | PUAN ROHAILA<br>012-4676503    |
| JAB KEJURUTERAAN ELEKTRIK (JKE)     |                                                      | MAKMAL MGCPL               | PUAN ASHIKIN<br>012-7529323    |
| JAB KEJURUTERAAN AWAM (JKA)         |                                                      | MAKMAL CADD 2              | PN SITI ZAWIYAH<br>012-6696008 |
| JAB KEJURUTERAAN MEKANIKAL (JKM)    |                                                      | BILIK MESYUARAT JKM ARAS G | ENCIK M. HAMDI<br>013-3506610  |

**\*\* Graduan boleh membuat pendaftaran mengikut kesesuaian masa dan tarikh yang telah ditetapkan**

**\*\* Graduan Sidang 1 dan 2 dinasihatkan untuk hadir mendaftar pada Jumaat (15/08/2025) bagi melancarkan lagi perjalanan majlis konvokesyen.**

### 4. RAPTAI KONVOKESYEN

4.1 Raptai Istiadat Konvokesyen Ke -23 diadakan secara atas talian dan graduan di WAJIBKAN untuk menonton video raptai tersebut bagi memastikan kelancaran dan protokol Istiadat Konvokesyen yang mesti dipatuhi oleh setiap graduan.

4.2 Video Raptai boleh ditonton pada pautan <http://www.pmm.edu.my/konvokesyen/>

## 5. SIDANG KONVOKESYEN

| SIDANG 1                            |                                                    |
|-------------------------------------|----------------------------------------------------|
| 16 OGOS 2025 - SABTU                |                                                    |
| MASA : 7.00 PAGI -12.00 TENGAHARI   |                                                    |
| JABATAN                             | PROGRAM                                            |
| JABATAN PERDAGANGAN                 | DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN - DPM                 |
|                                     | DIPLOMA PEMASARAN - DPR                            |
|                                     | DIPLOMA AKAUNTANSI - DAT                           |
| SIDANG 2                            |                                                    |
| 16 OGOS 2025 - SABTU                |                                                    |
| MASA : 1.30 TENGAHARI -5.00 PTG     |                                                    |
| JABATAN                             | PROGRAM                                            |
| JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI | DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN - DUP               |
|                                     | DIPLOMA SENI KULINARI -DCC                         |
|                                     | DIPLOMA PENGURUSAN ACARA – DEV                     |
|                                     | DIPLOMA PERKHIDMATAN MAKANAN AMALAN HALAL -DHF     |
|                                     | DIPLOMA PENGURUSAN HOTEL -DHM                      |
| SIDANG 3                            |                                                    |
| 17 OGOS 2025 - AHAD                 |                                                    |
| MASA : 7.00 PAGI -12.00 TENGAHARI   |                                                    |
| JABATAN                             | PROGRAM                                            |
| JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK       | DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK - DET                |
|                                     | DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KOMUNIKASI) - DEP |
|                                     | DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KOMPUTER) - DTK   |
| JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL      | DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL – DKM               |
| SIDANG 4                            |                                                    |
| 17 OGOS 2025 - AHAD                 |                                                    |
| MASA : 1.30 TENGAHARI -5.00 PTG     |                                                    |
| JABATAN                             | PROGRAM                                            |
| JABATAN KEJURUTERAAN AWAM           | DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM-DKA                      |
|                                     | DIPLOMA SENI BINA - DSB                            |
|                                     | DIPLOMA GEOMATIK -DGU                              |
| JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL      | DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKATRONIK – DEM              |
|                                     | DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL (PEMBUATAN) - DTP   |

## 6. ISTIADAT KONVOKESYEN

- 6.1 Graduan dikehendaki hadir lebih awal atau selewat-lewatnya 30 minit sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi mengelakkan dari dihalang menyertai Istiadat Konvokesyen.
- 6.2 Graduan perlu memasuki dewan istiadat mengikut arahan petugas (Pemandu Graduan).
- 6.1 Semasa istiadat berlangsung graduan dikehendaki menghormati Istiadat Konvokesyen dengan penuh adab dan mematuhi protokol.
- 6.4 Graduan dinasihatkan memahami **KEHORMATAN JUBAH** dan **TIDAK DIBENARKAN** menyalahgunakan atau mencemarkan kehormatan jubah.
- 6.5 Hanya graduan dan 2 orang penjaga sahaja yang dibenarkan memasuki dewan.
- 6.6 Graduan dilarang meninggalkan dewan sebelum, semasa atau selesai Istiadat Konvokesyen sehingga diberitahu.
- 6.7 Graduan tidak dibenarkan membawa masuk beg/ cenderahati bersaiz besar atau boleh menghasilkan bunyi seperti belon.
- 6.8 Graduan perlu mematikan telefon bimbit semasa berada di dalam dewan Istiadat Konvokesyen.


## 7. SAHSIAH DAN RUPADIRI GRADUAN

### 7.1 Etika Berpakaian semasa Istiadat Konvokesyen

- Graduan **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri Istiadat Konvokesyen sekiranya tidak mematuhi kod pemakaian yang diberikan.
- Untuk Graduan Perempuan Non-Muslim, rambut perlu diikat dengan kemas.
- Sila sediakan *safety pin* yang kecil / sederhana @ jarum, peniti untuk dilekatkan pada pakaian konvo agar kelihatan kemas.

### 7.2 Pemakaian Graduan Lelaki:


- Graduan beragama Islam digalakkan berpakaian kebangsaan lengkap berwarna hitam (**songkok**, baju, seluar, berbutang, sampin serta kasut kulit berwarna hitam) atau
- Baju kemeja lengan panjang berwarna putih, berseluar *slack* hitam / gelap dan bertali leher. Pemakaian Blazer adalah diwajibkan.
- Graduan kaum Sikh dibenarkan memakai turban. Hanya turban berwarna hitam dibenarkan.
- Graduan tidak dibenarkan memakai tali bow (*bowtie*).
- Berambut pendek, kemas dan tidak diwarnakan.



Rajah 1 : Contoh Pemakaian Graduan Lelaki

### 7.1 Pemakaian Graduan Perempuan:

- Graduan Wanita dibenarkan memakai Baju Kurung/Kebaya/pakaian kebangsaan mengikut bangsa. Pakaian perlulah bersesuaian dengan protokol Istiadat.
- Pakaian mestilah formal dan sopan.
- Bagi graduan muslim, tudung @pelitup kepala pastikan tanpa corak dan pemilihan warna adalah cerah/pastel.
- Kasut formal bertutup, berwarna hitam atau gelap dan mempunyai tumit sedikit.
- Bagi graduan bukan beragama Islam mestilah berpakaian sopan, tidak ketat, tidak jarang, tidak terbelah dan tidak terdedah. Sekiranya memakai skirt hendaklah labuh melepasi paras lutut dan berwarna gelap /plain.



Rajah 2: Contoh Pemakaian Graduan Perempuan

#### 7.4 Pemakaian Tetamu Jemputan dan Ibu Bapa /Penjaga Graduan

- Klik pautan untuk pemakaian ibu bapa <https://jheppmm.com/konvo19/images/Kod-Pakaian-tetamu.pdf>



Rajah 3 : Contoh Pemakaian Tetamu Lelaki



Rajah 4 : Contoh Pemakaian Tetamu Perempuan

## 8. URUSAN JUBAH

### 8.1 Peminjaman Jubah

- Graduan hendaklah mengambil jubah pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. (Rujuk jadual sidang). Proses pengambilan jubah dihentikan semasa sesi raptai berlangsung. Pengambilan lebih awal adalah **tidak dibenarkan**
- Sila bawa dokumen berikut semasa hari pengambilan jubah:-
  - i. Borang Pengambilan Jubah Akademik Graduan yang lengkap dan bertandatangan (*boleh didapati di LAMAN WEB KONVOKESYENPMM*)
- Graduan yang tidak dapat hadir semasa hari pengambilan jubah **boleh mewakili** orang lain dengan mengemukakan dokumen seperti di atas. (*Rujuk Perkara 2 beserta Slip Bayaran Yuran Konvo yang telah dijelaskan*)
- **PENTING:** Sila pastikan anda telah mendaftar kehadiran di Jabatan masing-masing dan mengisi ***Kajian Pengesanan Graduan*** sebelum mengambil jubah.
- Tempat Pengambilan dan Pemulangan Jubah adalah seperti di jadual :

| TARIKH      | HARI   | MASA PENGAMBILAN JUBAH   | SIDANG GRADUAN | TEMPAT                                          |
|-------------|--------|--------------------------|----------------|-------------------------------------------------|
| 15/08/2025  | JUMAAT | 9.30 pagi – 1.00 petang  | Sidang 1 dan 2 | Bilik Kuliah<br>5 & 6<br>Jabatan<br>Perdagangan |
| 16/08/20245 | SABTU  | 11.30 pagi – 5.00 petang | Sidang 3 & 4   |                                                 |

#### Nota Penting :

*Sila pastikan anda telah mengisi **Kajian Pengesanan Graduan** sebelum mengambil jubah.*

## 8.2 Pemulangan Jubah

- Graduan dinasihatkan supaya merancang masa untuk mengambil foto bersama ahli keluarga, rakan-rakan dan saudara mara kerana jubah akan dipulangkan sejourus Istiadat Konvokesyen tamat mengikut sidang graduan.
- Tempat pemulangan jubah adalah seperti di jadual :

**JADUAL PEMULANGAN JUBAH GRADUAN**

| TARIKH     | HARI  | MASA PEMULANGAN JUBAH         | SIDANG GRADUAN | TEMPAT                                 |
|------------|-------|-------------------------------|----------------|----------------------------------------|
| 16/08/2025 | SABTU | 12.00 tengahari – 6.00 petang | Sidang 1       | Dewan Kuliah<br>Jabatan<br>Perdagangan |
|            |       |                               | Sidang 2       |                                        |
| 17/08/2025 | AHAD  | 12.00 tengahari – 6.00 petang | Sidang 3       |                                        |
|            |       |                               | Sidang 4       |                                        |

- Jubah graduan yang dipulangkan sebaik tamat sidang penganugerahan tiada bayaran dikenakan. Walau bagaimanapun, pemulangan yang dibuat mulai 18 Ogos 2025 dan hari-hari seterusnya, atau rosak, denda akan dikenakan adalah mengikut KADAR DENDA yang ditetapkan.
- Kaunter serahan/denda lewat/ denda kerosakan dibuka mulai jam 10.00 pagi hingga 5.00 petang di Pejabat Koperasi Politeknik Merlimau Melaka Berhad yang berada di Jabatan Perdagangan.
- **Transkrip /Sijil** graduan akan diserahkan sebaik sahaja jubah graduan **DIPULANGKAN**.

### 8.3 Tatacara Pemakaian Jubah Konvokesyen Politeknik Merlimau



Rajah 5 : Tatacara Pemakaian Jubah Graduan Lelaki dan Perempuan

## 9. SYARAT PENGGUNAAN SET ISTIADAT KONVOKESYEN

### 9.1 Pakaian Istiadat Konvokesyen:

- Jubah Graduan
- Mortar Board

### 9.2 Graduan **TIDAK DIBENARKAN** meminda / memotong jubah asal.

### 9.3 Sebarang bentuk **KEROSAKAN** (kesan terbakar, jahitan tambahan, koyakan) atau **KEHILANGAN** akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya ke atas graduan berkenaan mengikut **KADAR DENDA yang** ditetapkan.

**JADUAL KADAR DENDA**

| PERKARA                                  | DENDA                              |
|------------------------------------------|------------------------------------|
| Kehilangan jubah                         | RM 300.00                          |
| Kehilangan Mortar Board                  | RM 40.00                           |
| Kerosakan jubah yang tidak boleh dibaiki | RM 200.00                          |
| Kerosakan jubah yang boleh dibaiki       | RM 150.00                          |
| Kerosakan Mortar Board                   | RM 40.00                           |
| Kelewatan tempoh Pemulangan Jubah        | RM 5.00 /hari bermula 18 Ogos 2025 |

### **PERHATIAN :**

Kepada Graduan yang mempunyai ketinggian lebih dari 186cm **ATAU** berat melebihi 100 kg, mohon hubungi Pn Norlini bt Rosli untuk keutamaan pemberian jubah konvokesyen

## 10. PENGAMBILAN DIPLOMA DAN SIJIL

10.1 Graduan boleh mengambil **Sijil Diploma dan Transkrip SELEPAS** majlis Istiadat **Konvokesyen** mengikut ketetapan masa di bawah:

| JABATAN                             | MASA                                                                                                                                   | LOKASI                     |
|-------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------|
| JAB KEJURUTERAAN AWAM (JKA)         | <b>SABTU</b><br><b>12.30 TGH</b><br><b>–</b><br><b>6.00 PTG</b><br><br><b>AHAD</b><br><b>11.00 PAGI</b><br><b>–</b><br><b>6.00 PTG</b> | MAKMAL CADD 2              |
| JAB KEJURUTERAAN ELEKTRIK (JKE)     |                                                                                                                                        | MAKMAL MGCPL               |
| JAB KEJURUTERAAN MEKANIKAL (JKM)    |                                                                                                                                        | BILIK MESYUARAT JKM ARAS G |
| JAB PERDAGANGAN (JP)                |                                                                                                                                        | BILIK KULIAH 6 (BK 6)      |
| JAB PELANCONGAN & HOSPITALITI (JPH) |                                                                                                                                        | BILIK KULIAH 1 (BK 1)      |

*\*\*Sila bawa Borang Pengambilan & Pemulangan Jubah dan Slip Pendaftaran Graduan*

## 11. PAS MASUK KENDERAAN

- 11.1 Hanya satu kenderaan bagi setiap pelajar dibenarkan memasuki kawasan kampus Politeknik Merlimau.
- 11.2 Parkir kenderaan di tempat yang disediakan mengikut arahan oleh pegawai bertugas.
- 11.3 Sila pameran pas masuk kenderaan kepada pegawai bertugas.

## 12. TEMPAT LETAK KENDERAAN

- 12.1 Graduan, ibu bapa atau penjaga hendaklah meletakkan kenderaan di tempat letak kenderaan yang disediakan atau diarahkan.
- 12.2 Sila patuhi arahan pegawai keselamatan yang bertugas bagi mengelakkan kesesakan lalulintas.
- 12.3 Pelan lalulintas dan parkir kenderaan boleh rujuk di portal konvokesyen:  
[www.pmm.edu.my/konvokesyen](http://www.pmm.edu.my/konvokesyen).

### 13.PAS MASUK DEWAN ISTIADAT

- 13.1 Hanya dua orang tetamu (Ibu bapa / penjaga) dibenarkan masuk.
- 13.2 Pas masuk dewan mesti dibawa dan ditunjukkan kepada petugas.
- 13.3 Ibu bapa atau penjaga diminta supaya mengambil tempat duduk masing-masing sebelum jam 7.30 pagi atau 1.30 petang pada hari Istiadat Konvokesyen.
- 13.4 Ibu bapa atau penjaga perlu berpakaian kemas dan sopan bersesuaian dengan Istiadat rasmi.
- 13.5 Mohon kerjasama ibu bapa atau penjaga tidak meninggalkan dewan semasa Istiadat Konvokesyen sedang berlangsung.

### 14.SESI BERGAMBAR (FOTOGRAFI)

- 14.1 PMM telah melantik syarikat fotografi luar dan diberikan tanggungjawab mengambil gambar graduan semasa menerima Diploma dan urusan selanjutnya (penyerahan gambar) adalah tanggungjawab syarikat berkenaan.
- 14.2 Semasa Istiadat Konvokesyen sedang berlangsung graduan dan tetamu dilarang mengambil gambar di dalam dewan bagi memastikan kelancaran Istiadat.
- 13.3 Graduan, ibu bapa dan tetamu dilarang membawa masuk kamera jenis DSLR dan seumpamanya ke dalam dewan.

### 15.BARANG-BARANG PERSENDIRIAN

- 15.1 PMM tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan barangan peribadi.
- 15.2 Graduan dan tetamu adalah diingatkan supaya tidak membawa masuk ke dalam dewan seperti makanan, minuman atau barangan persendirian yang boleh mengganggu perjalanan Istiadat Konvokesyen seperti beg, kamera, telefon bimbit, sebarang peranti atau alatan elektronik dan sebagainya.
- 15.3 Sila matikan atau tukar kepada Mod Senyap (*Silent Mode*) sekiranya membawa masuk alatan elektronik seperti telefon bimbit, *tablet* dan lain-lain.

## 16. KUASA POLITEKNIK MERLIMAU

- 16.1 Graduan yang tidak mematuhi syarat dan arahan yang telah ditetapkan terutama tatacara berpakaian atau penampilan diri yang tidak bersesuaian dengan istiadat adalah dilarang atau ditahan daripada mengikut Istiadat Konvokesyen.
- 16 Sebarang keputusan mengenai larangan yang telah dikeluarkan adalah muktamad.
- 14.3 Justeru Pihak Politeknik Merlimau, memohon kerjasama semua graduan agar mematuhi segala peraturan yang telah dinyatakan menerusi buku panduan ini dan menerima teguran sekiranya diberi oleh mana-mana pegawai.
- 15.4 Garis panduan keselamatan adalah merujuk sepenuhnya kepada arahan MKN (Majlis Keselamatan Negara).

## 17. PENGINAPAN

Penginapan di sepanjang konvokesyen adalah tanggungjawab graduan. Pihak Politeknik Merlimau tidak menyediakan sebarang tempat penginapan.

# Tahniah

# GRADUAN

## Dari kami warga



POLITEKNIK MERLIMAU  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
77300 MERLIMAU MELAKA  
Tel : +606-2636687  
Faks : +606-2636678  
[http : www.pmm.edu.my](http://www.pmm.edu.my)